

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK ROBERT LAWSON CHUAT  
[ BETONG ]**

**TARIKH : 30 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**DATUK ROBERT LAWSON CHUAT [ BETONG ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perancangan dan persediaan dari segi SOP dan norma baru oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) bagi menghadapi pilihan raya semasa pandemik COVID-19.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SPR dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN) telah merangka dan menyediakan satu Standard Operating Procedure (SOP) yang jelas iaitu Garis Panduan Pencegahan Covid-19 Bagi Pelaksanaan Pilihan Raya sama ada Pilihan PRU atau PRK. Ia disesuaikan selaras dengan arahan semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) semasa di bawah Akta 342 yang dikuatkuasakan oleh pihak Kerajaan. Garis panduan ini mencakupi semua proses pelaksanaan pilihan raya iaitu Taklimat Petugas Pilihan Raya, Hari Penamaan Calon, Proses Cetakan dan Semakan Kertas Undi, Proses Pengeluaran, Penerimaan dan Pengiraan Undi Pos, Hari Semakan Peti Undi, Tempoh

## SOALAN NO : 15

Berkempen, Hari Undi Awal dan Undi Biasa serta Penjumlahan Rasmi Undi.

Antara langkah pencegahan Covid-19 untuk pelaksanaan pilihan raya adalah seperti berikut:

- i. Pembersihan dan sanitasi di semua premis yang dikenal pasti akan digunakan bagi tujuan pelaksanaan pilihan raya di mana ia perlu dilakukan disinfeksi sebelum, semasa dan selepas selesai digunakan berdasarkan garis panduan KKM;
- ii. Kawalan kehadiran di setiap premis yang digunakan bagi tujuan pilihan raya adalah pada jumlah paling minima yang mana tidak menjejaskan proses pilihan raya dan mematuhi penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter. Selain itu, kehadiran setiap individu seperti nama dan nombor telefon perlu direkodkan samada menggunakan QR code di aplikasi MySejahtera atau catatan buku secara manual;
- iii. Saringan suhu badan untuk semua individu yang hadir di premis-premis yang digunakan bagi tujuan pilihan raya di mana individu yang mempunyai suhu badan melebihi 37.5°C, batuk, sakit tekak atau susah nafas tidak dibenarkan masuk ke premis dan perlu meninggalkan premis dengan segera;
- iv. Penjarakan fizikal di premis perlu dilaksanakan di mana susun atur meja di setiap premis yang digunakan disusun dengan jarak 2 meter manakala jarak antara individu adalah 1 meter;
- v. Penggunaan hand sanitizer oleh setiap individu yang hadir ke premis sebelum, semasa berada dalam saluran dan selepas selesai urusan bagi tujuan pelaksanaan pilihan raya;
- vi. Penggunaan sarung tangan getah adalah diwajibkan bagi semua petugas pilihan raya dan pegawai SPR yang bertugas bagi setiap proses pilihan raya;

## SOALAN NO : 15

- vii. Penggunaan face mask adalah wajib bagi semua individu yang hadir di premis-premis yang digunakan bagi tujuan pelaksanaan pilihan raya;
- viii. Pengundi yang bergejala di mana pengundi yang mempunyai suhu badan melebihi 37.5°C, batuk, sakit tekak atau susah nafas hendaklah diasingkan serta-merta daripada pengundi yang lain dan mengundi di tempat khas (khemah khas untuk memangkah);
- ix. Penganjuran sebarang bentuk ceramah, syarahan dan perhimpunan bagi tujuan kempen oleh mana-mana individu atau parti politik sepanjang tempoh berkempen adalah tidak dibenarkan. Calon atau parti digalakkan untuk menggunakan media massa, media sosial dan media cetak bagi tujuan berkempen.

SPR juga sedang meneliti dan merangka penambahbaikan Garis Panduan Pencegahan Covid-19 Bagi Pelaksanaan Pilihan Raya yang baharu berdasarkan penilaian semasa dan nasihat KKM selaras dengan arahan PKP ketika ini. Selain itu, SPR akan turut meneliti dan mempertimbangkan pandangan atau cadangan dari pihak-pihak lain bagi menambahbaik pelaksanaan proses pilihan raya di mana isu kesihatan dan keselamatan menjadi keutamaan dalam mendepani wabak pandemik Covid-19 ini.

Sekian, terima kasih.